

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : SUKPHG-1.100-1/3/1 Jld.2 (5)

Tarikh : 7 Mac 2024

SURAT PEKELILING YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BILANGAN 5 TAHUN 2024

WAKTU BEKERJA BAGI PENJAWAT AWAM
DI NEGERI PAHANG PADA BULAN RAMADAN
TAHUN 1445 HIJRAH/2024 MASIHI

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur mengenai Waktu Bekerja bagi Penjawat Awam di Negeri Pahang pada Bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa kini, prosedur waktu bekerja di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang menggunakan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan yang turut merangkumi WBF di Bulan Ramadan seperti mana para 10 pekeling yang sama.
- 2.2 Pentadbiran ini mengambil maklum titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sempena dengan Bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi ini, waktu bekerja bagi Penjawat Awam di Negeri Pahang pada setiap hari Jumaat berakhir pada jam 12.30 tengah hari melalui surat daripada Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Ruj: Bil (6) Dlm.SP.500-5/2/1 bertarikh 26 Februari 2024.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Waktu bekerja Fleksi Bulan Ramadan Tahun 2024 pada setiap hari Jumaat berakhir pada jam 12.30 tengah hari
- 3.2 Kaedah pelaksanaan ini melibatkan semua Penjawat Awam Negeri.
- 3.3 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk:
 - 3.3.1 Memantau waktu bekerja pegawai yang perlu bertugas dengan memastikan prosedur dan syarat yang ditetapkan dipatuhi oleh semua pegawai bawah seliaan; dan
 - 3.3.2 Memastikan perkhidmatan kaunter tidak terjejas dengan pelaksanaan kemudahan tersebut.
 - 3.3.3 Menyusun waktu kerja alternatif agar tempoh 45 jam seminggu dapat dipenuhi dengan penambahan masa 30 minit selepas tamat waktu bertugas bagi hari Isnin hingga Khamis.
- 3.4 Bagi Jabatan/Agensi Persekutuan di Negeri Pahang, Ketua Jabatan boleh menggunakan budi bicara berdasarkan kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa untuk membenarkan pegawai bawah seliaan masing-masing menggunakan kemudahan tersebut berdasarkan kesesuaian termasuklah pegawai yang bertugas mengikut waktu penggiliran, sekiranya Jabatan/Agensi Persekutuan membenarkan waktu bertugas pegawai berakhir pada jam 12.30 tengah hari pada setiap hari Jumaat.
- 3.5 Kaedah pelaksanaan di semua jabatan/agensi tidak melibatkan sebarang tambahan implikasi kewangan.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Semua Jabatan Negeri, Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk bawah peruntukan Surat Pekeliling ini.

4.2 Semua Jabatan/Agensi Persekutuan di Negeri Pahang, Ketua Jabatan boleh menggunakan budi bicara berdasarkan kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

5. TARIKH BERKUAT KUASA

5.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“Mudah, Cepat, Telus”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI HAJI ZULKIFLI BIN HAJI YAACOB, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)

Salinan kepada:

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Semua Ketua Jabatan Negeri Pahang

Semua Pegawai Daerah Negeri Pahang

Semua Setiausaha Bahagian/Ketua Unit, Pejabat SUK Pahang

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Badan Berkanun Negeri Pahang

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Pahang

Semua Badan Berkanun Persekutuan Negeri Pahang